

KENYATAAN MEDIA

INSTITUT PENYELIDIKAN KESELAMATAN JALAN RAYA MALAYSIA

**PANDUAN KESELAMATAN JALAN RAYA KETIKA MEMANDU DAN
MENUNGGANG DI DALAM SITUASI BERJEREBU**

KAJANG, 18 SEPTEMBER – Sehingga hari ini, hampir separuh dari kesemua stesen di seluruh negara telah mencatatkan kualiti udara yang buruk, menurut Indeks Pencemaran Udara (IPU) oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Sehubungan dengan keadaan berjerebu ini, Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) ingin menasihatkan orang ramai supaya mengambil langkah-langkah pemanduan dan penunggangan yang lebih berhati-hati bagi mengurangkan risiko kemalangan jalan raya ke destinasi yang dituju selain daripada mengambil tindakan seperti yang telah disarankan oleh JAS dan Kementerian Kesihatan Malaysia.

Menurut kajian MIROS berdasarkan input daripada pengkalan data Polis Diraja Malaysia (PDRM), kemalangan jalan raya lebih banyak berlaku dalam keadaan cuaca baik yang boleh disabitkan dengan kelajuan. Namun risiko kemalangan dalam keadaan cuaca buruk juga tidak rendah disebabkan oleh faktor yang lain seperti permukaan jalan yang licin dan masalah berkaitan penglihatan - sama ada kemampuan untuk melihat atau kemampuan untuk dilihat oleh pengguna jalan raya yang lain.

Sehubungan dengan itu, berikut digariskan beberapa panduan keselamatan jalan raya bagi membantu pengguna jalan raya untuk memandu dan menunggang dalam situasi berjerebu.

1. Keadaan berjerebu sudah pasti menjejaskan jarak penglihatan anda dan pengguna jalan raya yang lain. Oleh itu, sila periksa dan pastikan semua lampu kenderaan berfungsi dengan baik.
2. Semasa memandu, hidupkan lampu kenderaan bagi menambah tahap kebolehlihatan pengguna jalan raya yang lain terhadap anda. Elakkan menggunakan lampu tinggi kerana partikel air yang wujud dalam udara boleh membias dan memantulkan cahaya tersebut. Hanya gunakan lampu tinggi, jika perlu.
3. Sekiranya jarak penglihatan sangat terhad, nyalakan lampu kabus. Kadar pencahayaan yang tinggi daripada lampu ini boleh meningkatkan kadar kebolehlihatan anda.
4. Jarak penglihatan yang terhad akibat jerebu juga memerlukan anda untuk menjadi lebih peka terhadap persekitaran. Anda perlu sedar bahawa tabiat memandu atau kebiasaan mungkin sudah tidak lagi sesuai walaupun memandu di jalan yang sering digunakan.
5. Dalam keadaan jarak penglihatan yang terhad, kelajuan yang biasanya selamat mungkin sudah menjadi terlalu laju. Perlahankan kenderaan anda. Kelajuan yang rendah memberi anda lebih ruang untuk bertindak sekiranya perlu.
6. Ruang selamat juga boleh ditingkatkan dengan menambah jarak mengekori kenderaan di hadapan anda. Bergantung kepada keadaan semasa, jarak mengekori boleh berubah daripada 4 sehingga 12 saat. Ruang selamat ini penting bagi memastikan anda sempat bertindak (contoh: membrek, mengelak secara tiba-tiba) sekiranya perlu dalam situasi kecemasan.

Menurut Dr. Siti Zaharah Ishak, Ketua Pengarah MIROS, “Pengguna jalan raya di Malaysia adalah dinasihatkan untuk memandu dan menunggang dengan lebih berhati-hati di dalam cuaca berjerebu kini bagi mengelakkan kemalangan jalan raya. Pakai pakaian yang berwarna terang atau jaket pemantul cahaya ketika menunggang, berhenti di tempat yang selamat seperti di kawasan Rehat dan Rawat (R&R) atau di tempat yang dikhaskan untuk berhenti sekiranya tidak selamat untuk meneruskan perjalanan. Pejalan kaki pula perlu sedar bahawa pemandu atau penunggang

mungkin tidak dapat melihat mereka. Justeru, pejalan kaki adalah disarankan untuk peka terhadap keadaan sekeliling dan hanya melintas di tempat yang ditetapkan”.

###

Dikeluarkan oleh:

Unit Korporat dan Pengurusan Ilmu

Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS)

18 September 2019